

# Untuk tolong rakyat tempatan yang minat berniaga

# Dua pakar Amerika akan bantu

# kembangkan

# francais — PM

KUALA LUMPUR 30 Sept. — Dua orang pakar perniagaan secara francais dari Amerika Syarikat akan berada di sini tidak lama lagi untuk membantu kerajaan mengembangkan kaedah perniagaan cara itu di negara ini, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, beliau telah menghubungi bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Dr. Henry Kissinger yang bersetuju menghantar kedua-dua pakar berkenaan.

Katanya, pengetahuan mengenai perniagaan secara francais masih berkurangan di negara ini dan kerajaan mahu mempelajari selok-belok perniagaan itu untuk membantu rakyat tempatan yang minat berniaga.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan program latihan penjaja dan peniaga kecil Wilayah Persekutuan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini, beliau berkata, penjaja juga akan dijemput mendengar ceramah yang diberi oleh dua pakar itu.

## Niat kerajaan

"Kita akan panggil yang lain-lain juga supaya kita lebih faham tentang cara-cara *franchising* kerana di Amerika, kebanyakan perniagaan merupakan francais.

"Kalau satu syarikat ada banyak *outlet*, dia tak boleh nak kawal dan lebih baik lagi dia francais," jelas beliau.

Perdana Menteri berkata, kerajaan telah mencuba dengan Sate Ria tetapi kerana kurang pengetahuan mengenai francais, Sate Ria sehingga sekarang belum berjaya menjadi francais *outlet*.

"Kita berpendapat bahawa dalam sistem francais ini, seseorang yang ingin berniaga dalam satu bidang tidak perlu tahu banyak sangat.

"Dengan cara francais ini orang yang tidak ada pengetahuan boleh memasuki dalam bidang per-

niagaan tertentu, bukan hanya bidang makanan tetapi juga lain-lain bidang," tambah beliau.

Dalam ucapannya, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, sejak beberapa tahun lalu, dasar penguasa tempatan telah ditukar daripada 'memburu penjaja' kepada 'menolong penjaja'.

Katanya, pertukaran ini disebabkan kerajaan sedar bahawa memang menjadi budaya di negara ini perlunya mengadakan penjaja dan peniaga kecil.

"Memang menjadi niat kerajaan Barisan Nasional untuk menolong mereka seberapa yang kita boleh, sebab itulah kita sedia peruntukan pinjaman \$30 juta dan kini ditambah menjadi \$50 juta," ujarinya.

Perdana Menteri berkata, berbagai kemudahan disediakan untuk penjaja dan peniaga kecil, antaranya termasuk menyediakan tempat berniaga yang lebih bersih dan menarik.

Kerajaan juga, kata beliau, telah mengarahkan supaya bangunan besar menyediakan tempat berniaga untuk penjaja dan peniaga kecil.

"Tempat - tempat ini diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk diuruskan kerana jika beri pada orang lain, sewa yang dikenakan mungkin tinggi," tambahnya.

Beliau berkata, gerai - gerai di bandaraya juga menjadi salah satu daya penarik, khususnya sempena Tahun Melawat Malaysia sekarang.

Di samping itu, beliau berpendapat bahawa makanan di gerai jauh lebih baik daripada di hotel - hotel besar dan harganya juga murah.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga meminta penjaja dan peniaga kecil supaya mengekalkan kebersihan kerana semua pihak akan beruntung jika negara bersih.

Beliau juga menasihatkan mereka supaya jangan mengamalkan sikap 'kais pagi makan pagi' dan 'beras secupak takkan jadi segantang' tetapi sebaliknya berusaha melipatgandakan pendapatan.